



KESEDIAAN GURU-GURU PERDAGANGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN DARI ASPEK PENGETAHUAN KADEAH PENGAJARAN DAN SIKAP TERHADAP PENGAJARAN SUBJEK PENGAJIAN KEUSAHAWANAN

NOR AISHAH BUANG¹ & YAP POH MOI

Abstrak. Subjek Pengajian Keusahawanan akan diajarkan di sekolah-sekolah menengah seluruh Malaysia sebagai satu subjek elektif di bawah kumpulan Teknik dan Vokasional. Kandungan subjek ini tertumpu pada hal ehwal yang berkaitan dengan pendidikan keusahawanan. Kajian ini bertujuan meninjau kesediaan guru-guru Perdagangan yang akan mengajar subjek apabila ia dilaksanakan kelak dari aspek pengetahuan kaedah pengajaran yang sesuai dan sikap terhadap subjek Pengajian Keusahawanan ini. Seramai 80 orang guru-guru Perdagangan di Wilayah Persekutuan dipilih sebagai sampel. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan teknik soal selidik. Statistik deskriptif peratus, min dan sisisian piawai digunakan. Dapatkan kajian menunjukkan tahap pengetahuan kaedah pengajaran guru-guru Perdagangan berkaitan topik-topik tertentu dalam sukanan pelajaran subjek Pengajian Keusahawanan adalah terhad. Majoriti guru-guru Perdagangan memilih kaedah kerja kumpulan dan penerangan sebagai kaedah pengajaran yang paling sesuai dalam mengajar kebanyakan topik-topik tersebut berbanding dengan kaedah yang sepatutnya iaitu kaedah simulasi dan kerja lapangan. Sikap guru-guru terhadap subjek ini adalah sederhana positif dan perlu di pertingkatkan lagi supaya lebih bersemangat untuk merangsangkan semangat, minat dan motivasi pelajar terhadap bidang keusahawanan. Implikasi kajian menunjukkan guru-guru Perdagangan perlu dilatih semula untuk mengajar subjek Pengajian Keusahawanan.

1.0 PENGENALAN

Kemajuan bidang keusahawanan dalam sesebuah negara akan dapat menghakiskan budaya ‘makan gaji’, menghasilkan produk atau perkhidmatan baru yang akan menerajui bidang-bidang perniagaan serta menggerakkan ekonomi negara. Oleh itu, usaha membangun golongan usahawan telah dilaksanakan oleh kerajaan sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970 (Chamhuri Siwar, Mohd Yusof & Abdul Malik, 1992). Berdasarkan kepercayaan bahawa usahawan boleh dilahirkan melalui pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pendidikan keusahawanan dalam pengajaran subjek tertentu di sekolah-sekolah, kursus-kursus pendek dan program-program latihan keusahawanan (Human, 1992; Ronstadt, 1985; Badrul, 1995). Contohnya komponen perdagangan dan keusahawanan telah dijadikan komponen yang teras dalam subjek Kemahiran Hidup peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Di samping itu, satu bab mengenai

¹Universiti Kebangsaan Malaysia, Norais@ukm.my



keusahawanan telah dimuatkan dalam subjek (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002). Selain daripada itu, program-program khas seperti Program Usahawan Muda (PUM), Program Pengusaha Muda, Kelab Tunas Bistari Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor dan Kelab Keusahawanan juga dilaksanakan di sekolah-sekolah (RM7, 1995).

Namun demikian, berdasarkan rasional dalam sukanan pelajaran subjek Pengajian Keusahawanan, kandungan pendidikan keusahawanan yang diajarkan di peringkat sekolah menengah atas adalah tidak menyeluruh dan tidak mencukupi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999). Pada masa ini, pendidikan keusahawanan hanya akan dipelajari oleh pelajar Tingkatan Empat dan Lima melalui subjek Perdagangan Tingkatan 4 dan 5 yang kebetulan disarankan dalam jurusan Perdagangan sahaja (Jabatan Pendidikan Teknikal, 1999). Walau bagaimanapun, jumlah kandungan pendidikan keusahawanan dalam subjek Perdagangan tersebut adalah tidak mencukupi untuk meliputi konsep keusahawanan, pembentukan ciri-ciri keusahawanan, menjana idea perniagaan, menggembung sumber perniagaan, menganalisis persekitaran keusahawanan dan perniagaan dan seterusnya menyediakan rancangan perniagaan yang realistik sebagai asas untuk menceburkan diri dalam kerjaya keusahawanan. Perkara ini disokong oleh Sharifah Kamariah (1996) dan Azizi (1998) yang mengatakan bahawa pelaksanaan pendidikan keusahawanan di peringkat Sekolah Menengah Atas didapati tidak menyeluruh kerana ia hanya diperlajari oleh pelajar-pelajar sekolah yang kebetulan dalam jurusan Perdagangan sahaja. Walau bagaimanapun, kajian mereka telah menunjukkan pendedahan komponen perdagangan dan keusahawanan dalam subjek Kemahiran Hidup kepada pelajar Sekolah Menengah Rendah dari segi sukatannya berjaya mencapai objektifnya, iaitu perubahan tingkah laku atau sikap keusahawanan telah ditunjukkan. Dapatan kajian Sharifah Kamariah (1006) menunjukkan bahawa pelaksanaan pendidikan keusahawanan di peringkat Sekolah Menengah Atas tidak berjaya mencapai objektifnya, iaitu pelajar-pelajar Tingkatan Lima jurusan Perdagangan tidak menunjukkan pencapaian ciri-ciri keusahawanan yang tinggi jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar aliran Sains dalam tingkatan yang sama. Beliau menyarankan lebih banyak kandungan pendidikan keusahawanan dimuatkan dalam subjek Perdagangan di peringkat Sekolah Menengah Atas supaya matlamat kerajaan dalam proses melahirkan usahawan golongan menengah dapat dipercepatkan.

Berdasarkan situasi di atas, pendidikan keusahawanan akan mula diajarkan sebagai satu subjek tunggal pada tahun 2003 di Sekolah-Sekolah Menengah Teknik dan diikuti oleh Sekolah-Sekolah Menengah Akademik pula pada tahun 2005. Subjek ini dikenali sebagai subjek Pengajian Keusahawanan dan merupakan subjek elektif di bawah kumpulan Teknik dan Vokasional yang akan ditawarkan kepada semua pelajar Tingkatan Empat dan Lima. Apabila subjek Pengajian Keusahawanan ini dilaksanakan, guru-guru yang mengajar subjek Perdagangan yang sedia ada akan diarahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengajar subjek baru ini (Jabatan



Pendidikan Teknikal, 1999). Guru-guru Perdagangan dianggap layak mengajar subjek pengajian keusahawanan berbanding dengan guru-guru bidang Teknik dan Vokasional yang lain kerana mereka mempunyai latar belakang pendidikan perniagaan semasa di peringkat ijazah sarjana muda di samping berpengalaman mengajar kandungan pendidikan keusahawanan sebagai satu topik penting dalam Sukatan Pelajaran Perdagangan Tingkatan 5 yang merupakan 23% daripada jumlah sukatannya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999).

Kajian Nor Aishah (2000) pula mendapati kandungan pendidikan keusahawanan yang dimuatkan dalam buku teks Ekonomi, Prinsip Akaun dan Perdagangan adalah terlalu sedikit dan lebih bercorak pendidikan kemahiran perniagaan. Di samping itu, kajian beliau juga mendapati 70% daripada sampel kajiannya yang terdiri daripada guru-guru Teknik dan Vokasional mengamalkan kaedah pengajaran penerangan dan perbincangan kumpulan semasa mengajar elemen pendidikan keusahawanan di dalam kelas. Ini adalah bercanggah dengan pedagogi pengajaran keusahawanan yang disyorkan oleh Blawatt (1998) dan Meyer (1992), yang menekankan pengajaran yang bercorak pencarian pengalaman dan pembinaan tingkah laku melalui kaedah pengajaran simulasi, kajian lapangan dan main peranan. Pitman (1988) mendapati bahawa kesediaan guru dan pendekatan pengajaran yang sesuai mempunyai hubung kait yang tinggi dengan tahap motivasi pelajar, tahap pencapaian akademik dan persepsi keseluruhan keberkesan pengajaran. Good (1983) dalam kajiannya, mendapati bahawa guru-guru yang sentiasa bersemangat tinggi untuk mengajar terdiri daripada mereka yang selalu menggunakan pelbagai pendekatan yang relevan apabila mengajar di dalam bilik darjah. Di samping itu, seorang guru yang berkesan perlu menguasai pengetahuan isi kandungan subjek yang diajarkan dan pengetahuan pedagogi berkaitan dengan subjek tersebut. Hashweh (1985) mendapati penguasaan guru terhadap isi kandungan yang hendak diajarkan akan mempengaruhi proses transformasi kurikulum yang dilakukan oleh guru-guru di dalam kelas, ini dapat dilihat dari segi pengubahsuaian bahan atau isi kandungan yang tercatat dalam buku teks serta perwakilan-perwakilan yang guru-guru gunakan dalam menerangkan sesuatu konsep dan prinsip.

Shulman (1987) dan Lilia (1997) pula menjelaskan kepentingan seseorang guru dalam menguasai pengetahuan pedagogi berkaitan dengan subjek yang hendak diajarkan. Pengetahuan pedagogi akan membantu guru-guru mengubah suai kefahaman mereka mengenai isi kandungan tersebut kepada bentuk-bentuk pedagogikal yang baik serta bersesuaian dengan kebolehan dan latar belakang pelajar. Pengetahuan jenis ini juga dikatakan bertindak sebagai “peta konseptual” atau panduan kepada guru-guru dalam membuat keputusan tentang pengajaran, ini termasuk objektif yang hendak dicapai, pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai dan jenis latihan yang harus diberikan dalam sesuatu pengajaran. Lilia dan Norlena (2000) menambah bahawa guru yang lemah dari segi pengetahuan pedagogi akan melaksanakan pengajaran yang lebih bersifat tradisional iaitu guru-guru hanya berkuliahan



dan pelajar belajar secara hafalan. Guru juga akan kurang berupaya mengesan salah tanggapan pelajar tentang konsep.

Selain itu, Ryan dan Cooper (1998), Sharifah Alwiah (1983) menjelaskan bahawa guru yang berkesan adalah guru yang menunjukkan sikap yang positif terhadap subjek yang diajar. Kajian yang dilakukan oleh Ryan (1960) dalam Ornstein dan Miller (1980) menunjukkan guru-guru yang efektif menunjukkan tingkah laku seperti berminat terhadap pelajar dan pengajaran, bersemangat tinggi, terbuka, riang dan memberi galakan kepada pelajar. Wiseman *et al.*, (1998) merumuskan bahawa seorang guru yang baik perlu memiliki ciri-ciri seperti berminat terhadap pembelajaran murid, mempunyai pengetahuan tentang subjek yang diajar serta mengetahui kaedah pengajaran yang terbaik untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar, berkebolehan untuk mengurus dan mengawas pembelajaran murid, mempelbagaikan kaedah-kaedah pengajaran dan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sekolah selain mengajar. Peter *et al.*, (1963) juga menegaskan bahawa satu pengajaran yang baik bergantung kepada faktor pengetahuan yang dikuasai oleh guru dan kesesuaian kaedah yang digunakan. Justeru, adalah perlu untuk memastikan bahawa guru-guru Perdagangan mempunyai kesediaan dari segi pengetahuan, pedagogi dan sikap apabila mereka disarankan untuk mengajar subjek Pengajian Keusahawanan nanti.

Seperti yang dinyatakan oleh Gibb (1993), Blawatt (1998), Zaidatol dan Habibah (1987), proses pengajaran pendidikan perniagaan adalah berbeza dengan proses mengajar pendidikan keusahawanan dari aspek isi kandungan dan pedagogi pengajarannya. Tujuan pendidikan perniagaan mengikut Tonne dan Nanassy (1970) terbahagi kepada dua:

- (a) sebagai satu pendidikan am kepada orang ramai supaya mereka boleh bertindak sebagai pengguna yang cekap serta faham alam ekonomi.
- (b) Menyediakan latihan untuk kerja khas serta memperkembang potensi penggunaan kemahiran tersebut dalam alam perniagaan.

Blawatt (1998) pula merumuskan bahawa peranan pendidikan perniagaan adalah ke arah menyediakan pelajar-pelajar untuk pekerjaan tetapi pendidikan keusahawanan adalah lebih luas daripada usaha ini. Zaidatol dan Habibah (1987) pula merumuskan bahawa pendidikan perniagaan adalah sebagai pendidikan umum kepada orang ramai supaya boleh bertindak sebagai pengguna yang cekap serta menghasilkan para graduan yang mempunyai kemahiran pengurusan perniagaan yang diperlukan oleh majikan.

Pendidikan keusahawanan adalah lebih menyeluruh, iaitu meliputi orientasi pendidikan perniagaan dan gabungan orientasi pembangunan diri usahawan. Kent (1990) dan Rabbior (1990) menegaskan kepentingan pembelajaran dimensi tingkah laku daripada isi kandungan subjek dalam pendidikan keusahawanan. Noll (1993),



Nor Aishah dan Siti Rahaya (1995) mengutamakan peranan inovasi dalam keusahawanan. Pendidikan keusahawanan bukan hanya mendidik pelajar-pelajar supaya “boleh bermula” tetapi seharusnya ke arah menghasilkan sesuatu teknik atau produk yang membuat kehidupan orang ramai lebih selesa.

Pendidikan keusahawanan yang ideal haruslah boleh mendorong kewujudan semangat keusahawanan dalam sanubari pelajar serta menanam ciri-ciri keusahawanan. Pendidikan keusahawanan juga sesuai dimulakan kepada pelajar pada usia yang muda kerana perubahan sikap terhadap keusahawanan jelas berlaku pada pelajar yang lebih muda dalam kajian Hatten dan Ruhland (1995). Kent (1990) dan Pitman (1988) menerangkan bahawa ilmu keusahawanan yang boleh diajar boleh dibahagi kepada bahagian konsep keusahawanan dan bahagian kemahiran keusahawanan. Beliau juga menegaskan bahawa fokus pendidikan keusahawanan mesti boleh menggalakkan pelajar menganalisis alternatif dan melihat semua kemungkinan yang wujud, dan mengelakkan pelajar daripada mendapatkan jawapan tunggal.

Maranville (1992) juga mencadangkan tiga aspek penting yang perlu dipertimbangkan dalam penggubalan kurikulum pendidikan keusahawanan iaitu kefahaman tentang peranan usahawan, fungsi keusahawanan dan memperlihatkan perbezaan peranan usahawan dan prinsip inovasi melalui sejarah perkembangan ekonomi. Zakaria (1998) mencadangkan kurikulum pendidikan keusahawanan yang digubal haruslah lebih menekankan aspek pembangunan nilai intrinsik manusia jika dibandingkan dengan aspek teknikal pengurusan yang sewajarnya merupakan sebahagian kecil sahaja tetapi penting bagi menimbulkan unsur cabaran. Pembangunan nilai intrinsik manusia juga bererti membangunkan diri pelajar dari segi mental, emosi dan sahsiah supaya minat dan motivasi pelajar terhadap kerjaya usahawan ini dapat dipertingkatkan secara berkesan dalam sanubari mereka.

Pendidikan keusahawanan hendaklah mengambil kira aspek mempelajari kemahiran dan bukan hanya menekankan pembelajaran secara teori sahaja. Gibb (1993) menyatakan bahawa proses pengajaran keusahawanan harus menekan “bagaimana” daripada “apa”. Timmons *et al.*, (1977), Brenneke (1990) dan Klandt (1993) menjelaskan aspek-aspek dalam mengurus dan mencipta sesuatu perniagaan tidak boleh dipelajari melalui cara pengajaran ‘konvensional’ seperti pembacaan, perkuliahan dan menonton filem. Pendekatan ‘konvensional’ merupakan cara yang berkesan dalam membekalkan pengetahuan tentang keusahawanan dan beberapa aspek mekanikal tentang penubuhan perniagaan kepada pelajar. Tetapi bagi pengetahuan jenis kesedaran, motivasi dan kriteria-kriteria tertentu hanya dapat disemai apabila pelajar-pelajar mempunyai pengalaman dan melibatkan diri dalam proses mencipta sesuatu perniagaan yang baru melalui kaedah pengajaran “rundingan” dan kaedah “bekerja dengan usahawan”. Kedua-dua kaedah ini adalah antara kaedah yang terbaik dalam merangsangkan ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar dan diikuti oleh kaedah pengajaran simulasi, kajian kes, main peranan, kertas kerja atau tesis dan menulis rancangan perniagaan.



2.0 MASALAH KAJIAN

Berdasarkan pandangan-pandangan di atas, ternyata bahawa pendidikan keusahawanan dalam konteks yang lebih luas tidak hanya melibatkan pembelajaran kemahiran pengurusan perniagaan, tetapi juga pembinaan dan pembentukan insan yang kreatif, inovatif serta berwawasan dalam apa pun profesi yang diceburi. Oleh itu, pendekatan pendidikan keusahawanan yang berbentuk ‘menyuap ubat’ adalah tidak sesuai. Apa yang dimaksudkan dengan menuap ubat ialah guru hanya memberikan ciri-ciri atau sikap yang dimiliki oleh usahawan dan seterusnya menerangkan kemahiran-kemahiran perniagaan yang harus dikuasai oleh usahawan. Pendekatan yang menggalakkan ‘pengembaraan’, penjelajahan dan pencarian berterusan di kalangan pelajar merupakan kaedah yang sesuai dan berkesan dalam mendidik mereka memahami, menghayati dan meminati kerjaya usahawan (Nor Aishah, 1998).

Salah satu daripada objektif subjek Pengajian Keusahawanan yang akan datang ialah ke arah menghasilkan pelajar-pelajar yang berani bertindak dan mampu bersaing. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Kebolehcapaian objektif ini dipengaruhi oleh banyak faktor dan satu daripada faktor yang penting ialah keberkesanan guru dalam melaksanakan pengajaran subjek tersebut (Francois, 1997). Sekiranya pengajaran guru-guru Keusahawanan kurang berkesan, maka besar kemungkinan pendidikan keusahawanan yang diperkenalkan hanya dapat memberi kesedaran, menyampaikan maklumat dan menyediakan kemahiran pengurusan perniagaan kepada pelajar, tetapi tidak dapat meningkatkan sepenuhnya motivasi dan orientasi pelajar untuk menjadi seorang usahawan. Fenomena ini telah dibuktikan oleh Zahari (1998), dalam kajian beliau yang meninjau pencapaian matlamat kursus Keusahawanan di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS).

Kajian Sri Hayati (1996) juga menunjukkan bahawa guru-guru bidang Teknik dan Vokasional mempunyai keupayaan yang sederhana dalam mengajar pendidikan keusahawanan dan mempunyai kemahiran yang rendah dalam kemahiran ‘menggunakan komputer dalam perniagaan’. Kemahiran yang berkaitan dengan pendidikan keusahawanan yang diukur oleh Sri Hayati dalam kajiannya hanya tertumpu pada kemahiran pengurusan perniagaan seperti kemahiran pemasaran, umum, simpan kira dan kewangan. Kajian beliau juga mendapati guru-guru Perdagangan adalah antara guru bidang Teknik dan Vokasional yang mempunyai pengetahuan kemahiran pengurusan perniagaan yang paling tertinggi. Walau bagaimanapun, dapatan ini tidak menyokong bahawa guru-guru Perdagangan berkeupayaan untuk melaksanakan pengajaran pendidikan keusahawanan yang menyeluruh. Kajian Sri Hayati tidak mengukur aspek-aspek lain seperti pengetahuan guru terhadap konsep keusahawanan, sikap guru terhadap keusahawanan serta pedagogi pendidikan keusahawanan.

Ahsmore (1990) mendapati guru-guru Teknik dan Vokasional akan hanya mengajar sesuatu elemen pendidikan keusahawanan sekiranya mereka yakin bahawa kemahiran-kemahiran itu penting untuk diajar. Zaidatol (1993) dalam kajiannya menyokong dapatan Ahsmore yang mengatakan bahawa guru-guru bidang Teknik dan Vokasional



akan hanya mengajar sesuatu isi kandungan keusahawanan itu sekiranya mereka menganggap isi kandungan tersebut penting. Ini menunjukkan bahawa kefahaman guru-guru bidang Teknik dan Vokasional terhadap pendidikan keusahawanan akan mempengaruhi cara atau proses pengajaran di dalam kelas dan seterusnya mempengaruhi pencapaian matlamat akhir pengajaran dan pembelajaran.

Setakat ini, kajian-kajian berkaitan keusahawanan peringkat sekolah yang dijalankan di Malaysia masih berkisar di sekitar meninjau tahap ciri-ciri keusahawanan. Contohnya kajian yang dijalankan oleh Salina (1995), Sharifah Kamariah (1996), Janom (1997), Yep (1998) dan Zunki peli (1999). Aspek yang berkaitan dengan kesungguhan dan komitmen guru-guru bidang Teknik dan Vokasional terhadap pengajaran komponen pendidikan keusahawanan masih kurang dibincangkan. Kajian ini dijalankan untuk memastikan kesediaan guru-guru Perdagangan terhadap pengajaran subjek Pengajian Keusahawanan.

3.0 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan meninjau kesediaan guru-guru Perdagangan terhadap pengajaran subjek Pengajian Keusahawanan di Wilayah Persekutuan dari aspek pengetahuan guru terhadap kaedah-kaedah pengajaran yang sesuai diamalkan dalam pengajaran subjek Pengajian Keusahawanan serta sikap guru terhadap bidang tersebut.

4.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan satu set soal selidik yang diedarkan kepada responden.

4.1 Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada guru-guru Perdagangan yang mengajar di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan. Berdasarkan data yang diperoleh daripada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, jumlah guru Perdagangan di Wilayah Persekutuan pada tahun 2000 ialah 126 orang. Bilangan guru perempuan adalah 111 dan bilangan guru lelaki pula ialah 15 orang. Guru-guru Perdagangan yang bukan berlatar belakangkan bidang Teknik dan Vokasional dikecualikan daripada menjadi sampel kajian supaya mereka tidak mendatangkan kesan bias terhadap keputusan kajian. Berdasarkan jadual saiz sampel terhadap populasi yang diberikan oleh Krejcie dan Morgan (1970), maka seramai 80 orang guru Perdagangan telah dipilih sebagai sampel. Teknik persampelan yang digunakan ialah rawak berstrata. Rawak berstrata dijalankan oleh pengkaji dengan cara membahagikan sekolah-sekolah menengah di Wilayah Persekutuan mengikut zon dan kemudian memilih 11 sekolah daripada setiap zon secara bebas. Guru-guru Perdagangan dalam sekolah yang dipilih itu dijadikan sampel kajian.



4.2 Pembinaan Alat Kajian

Alat kajian yang dibina terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian 1 mengandungi sembilan soalan untuk mengenal pasti latar belakang responden. Maklumat-maklumat yang diperlukan dalam bahagian ini ialah jantina, keturunan, umur, status perkahwinan, tempoh perkhidmatan, kursus kaedah utama semasa mengikuti program diploma pendidikan, kelulusan iktisas dan pengalaman mengajar.

Bahagian 2 bertujuan untuk meninjau pengetahuan pedagogi guru-guru Perdagangan tentang kaedah-kaedah pengajaran yang sesuai diamalkan dalam pengajaran subjek Pengajian Keusahawanan. Kaedah-kaedah pengajaran telah dikumpulkan dan dikelaskan kepada 5 kumpulan berdasarkan darjah penglibatan murid-murid seperti yang dikemukakan oleh Klandt (1993) dan Sulaiman (1997). Kelima-lima kumpulan kaedah pengajaran adalah seperti yang berikut:

- (i) Kumpulan kerja – Perbincangan, pembelajaran kolaboratif.
- (ii) Penerangan – Kuliah, ceramah, demonstrasi dan syarahan.
- (iii) Simulasi – Drama, main peranan dan permainan.
- (iv) Kerja lapangan – Projek, lawatan dan penemuan.
- (v) Kerja individu – Latihan individu.

Responden dikehendaki menandakan tahap kesesuaian setiap kumpulan kaedah pengajaran tersebut dalam mengajar topik-topik dalam sukanan pelajaran subjek Pengajian Keusahawanan yang diberikan. Tahap kesesuaian itu ditandakan mengikut skala Likert yang diberikan, iaitu Sangat Tidak Sesuai (1), Tidak Sesuai (2), Kurang Sesuai (3), Sesuai (4) dan Sangat Sesuai (5).

Bahagian 3 mengandungi lima belas item tertutup yang digunakan untuk menguji sikap umum guru-guru terhadap subjek Pengajian Keusahawanan. Sikap guru akan dilihat daripada aspek minat dan kepercayaan terhadap bidang keusahawanan serta penglibatan dan daya inisiatif guru dalam bidang tersebut. Bagi menguji item-item ini, skala Likert lima pilihan digunakan, iaitu Sangat Tidak Sesuai (1), Tidak Sesuai (2), Kurang Sesuai (3), Sesuai (4) dan Sangat Sesuai (5). Responden dikehendaki menandakan skala lima pilihan tersebut berdasarkan kadar persetujuan.

4.3 Tatacara Penganalisisan Data

Semua data yang dikumpul akan dianalisis dengan menggunakan pengaturcaraan SPSS. Statistik deskriptif seperti peratus, min dan sisan piawai akan digunakan untuk meringkaskan maklumat sampel yang terlibat dan menentukan kesediaan guru-guru Perdagangan terhadap pengajaran subjek Pengajian Keusahawanan.



5.0 DAPATAN KAJIAN

5.1 Pengetahuan Pedagogi Responden Tentang Kaedah Pengajaran Yang Sesuai Diaplikasikan Dalam Pengajaran Topik Subjek Pengajian Keusahawanan

Jadual 1 menunjukkan skor min dan sisihan piawai pilihan responden terhadap kesesuaian kaedah-kaedah pengajaran untuk mengajar topik-topik tertentu dalam subjek Pengajian Keusahawanan. Kesemua skor min adalah terletak antara 3.088 hingga 4.162. Berdasarkan kepada min ini, interpretasi yang dapat dirumuskan ialah guru-guru Perdagangan menganggap bahawa kesemua kelima-lima kumpulan kaedah pengajaran adalah sesuai digunakan untuk mengajar topik-topik dalam subjek Pengajian Keusahawanan.

Skor min yang diperoleh telah menunjukkan bahawa responden mempunyai kefahaman bahawa kaedah pengajaran kumpulan kerja adalah antara kaedah yang paling sesuai dalam mengajar kebanyakan topik dalam subjek Pengajian Keusahawanan. Min keseluruhan kaedah pengajaran ini ialah 3.951 dan ini merupakan skor min yang tertinggi jika dibandingkan dengan kaedah pengajaran yang lain.

Kaedah penerangan dalam kajian ini merangkumi kaedah pengajaran ceramah, kuliah, demonstrasi dan syarahan. Nampaknya kaedah ini digemari oleh guru-guru Perdagangan juga apabila dikaitkan dengan pengajaran subjek pengajian Keusahawanan. Skor min keseluruhannya menduduki tempat kedua dan bersamaan dengan 3.804. Responden telah memilih kaedah ini sebagai kaedah terbaik bagi mengajar topik Sejarah keusahawanan dan topik ciri-ciri keusahawanan jika dibandingkan dengan kaedah lain.

Kaedah pengajaran kerja lapangan merupakan kaedah pilihan responden yang ketiga dalam mengajar kebanyakan topik subjek Pengajian Keusahawanan. Skor min keseluruhan adalah ketiga tinggi dan bersamaan dengan 3.525.

Kaedah pengajaran kerja individu mempunyai skor min keseluruhan 3.508 dan merupakan skor min yang kedua rendah. Walau bagaimanapun, kaedah ini merupakan kaedah pilihan utama responden dalam mengajar topik Pembangunan Diri dan kaedah pilihan kedua dalam mengajar topik Komputer Dalam Keusahawanan.

Kaedah simulasi merupakan kaedah pengajaran yang mempunyai skor min yang paling rendah, iaitu 3.393, ini bererti kaedah ini paling tidak digemari oleh responden dalam pengajaran subjek Pengajian Keusahawanan dan jarang diamalkan oleh guru-guru jika dibandingkan dengan kaedah pengajaran yang lain.

5.2 Sikap Responden Terhadap Subjek Pengajian Keusahawanan

Jadual 2 menunjukkan taburan skor min bagi keempat-empat dimensi sikap yang diukur. Skor min responden adalah tertinggi bagi dimensi minat terhadap keusahawanan ($X = 3.688$), diikuti oleh dimensi kepercayaan terhadap keusahawanan



Jadual 1 Skor Min Dan Sisihan Piawai Pengetahuan Pedagogi Responden Tentang Kesesuaian Kaedah-Kaedah Pengajaran Dalam Pengajaran Subjek Pengajian Keusahawanan

Topik	Min dan sisihan piawai bagi kaedah-kaedah pengajaran				
	Kumpulan Kerja	Penerangan	Simulasi	Kerja Lapangan	Kerja Individu
1. Sejarah Keusahawanan	X (s.p) 3.618 (1.079)	X (s.p) 3.853 (0.997)	X (s.p) 3.088 (1.004)	X (s.p) 3.515 (1.072)	X (s.p) 3.265 (1.060)
2. Perbezaan antara usahawan dengan peniaga	4.147 (0.902)	3.632 (1.021)	3.427 (0.936)	3.353 (0.877)	3.529 (1.029)
3. Perkembangan keusahawanan di Malaysia	4.029 (0.846)	3.750 (1.013)	3.294 (0.947)	3.765 (0.794)	3.382 (0.962)
4. Pembangunan diri	3.603 (0.933)	3.471 (0.872)	3.382 (0.931)	3.558 (1.042)	3.912 (0.973)
5. Ciri-ciri keusahawanan	3.647 (0.919)	3.970 (1.000)	3.265 (0.987)	3.353 (1.004)	3.838 (1.002)
6. Komputer dalam keusahawanan	3.927 (0.919)	3.721 (0.895)	3.382 (0.915)	3.765 (0.900)	3.309 (1.069)
7. Strategi keusahawanan	4.015 (0.922)	3.927 (0.967)	3.279 (1.034)	3.574 (1.027)	3.382 (0.962)
8. Perniagaan dan keusahawanan	4.162 (0.745)	3.882 (0.764)	3.471 (1.000)	3.544 (0.854)	3.441 (0.952)
9. Fungsi dalam organisasi	3.971 (0.846)	3.897 (0.883)	3.368 (1.021)	3.500 (0.970)	3.471 (1.043)
10. Rancangan Perniagaan	4.309 (0.851)	3.750 (0.998)	3.265 (0.972)	3.529 (1.000)	3.456 (1.190)
11. Etika keusahawanan	4.029 (0.828)	3.985 (0.889)	3.647 (0.974)	3.427 (0.982)	3.603 (1.010)
Min keseluruhan	3.951 (0.574)	3.804 (0.664)	3.393 (0.655)	3.525 (0.598)	3.508 (0.789)

**Jadual 2** Skor Min Dan Sisihan Piawai Sikap Responden Terhadap Subjek Pengajian Keusahawanan

	Dimensi	X	s.p
(i)	Minat terhadap keusahawanan	2.688	0.687
(ii)	Kepercayaan terhadap keusahawanan	3.409	0.473
(iii)	Penglibatan guru dalam bidang keusahawanan	3.314	0.905
(iv)	Daya inisiatif	3.230	0.642
	Min Keseluruhan	3.428	0.517

dengan catatan nilai min sebanyak 3.409. Min bagi dimensi penglibatan guru dalam bidang keusahawanan ialah 3.314 dan dimensi daya inisiatif mempunyai nilai min yang terendah, iaitu 3.230. Taburan min yang seumpama ini wujud kerana terdapat guru-guru Perdagangan yang berminat dalam bidang keusahawanan tetapi enggan melibatkan diri dalam sebarang aktiviti keusahawanan yang wujud di sekolah. Walau bagaimanapun, analisis min keseluruhan ($X = 3.428$) menunjukkan bahawa guru-guru Perdagangan mempunyai sikap yang sederhana tinggi terhadap Subjek Pengajian Keusahawanan.

6.0 PERBINCANGAN

6.1 Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru-guru Perdagangan Tentang Kaedah Pengajaran Yang Sesuai Diamalkan dalam Pengajaran Subjek Pengajian Keusahawanan

Hasil analisis telah menunjukkan, pengetahuan pedagogi guru-guru Perdagangan tentang kaedah-kaedah pengajaran yang sesuai diamalkan dalam pengajaran subjek Pengajian Keusahawanan adalah terhad. Guru-guru Perdagangan mempunyai pendapat bahawa kaedah pengajaran kumpulan kerja merupakan kaedah pengajaran yang terbaik untuk kebanyakan topik yang terdapat dalam subjek Pengajian Keusahawanan. Kaedah penerangan pula merupakan kaedah pilihan kedua guru-guru Perdagangan dalam mengajar subjek Pengajian Keusahawanan. Dapatkan yang sedemikian juga pernah di ketengahkan oleh Nor Aishah (2000), Sharifah dan Zaidatol (1994) dan Sukumaran (1992), masing-masing menunjukkan guru-guru Perdagangan masih suka dengan teknik kuliah, soal jawab dan penyelesaian masalah, sementara teknik-teknik pengajaran seperti simulasi, projek, dan permainan tidak popular di kalangan mereka.

Ini adalah bercanggah dengan pandangan Klandt (1993) dan Timmons *et al.*, (1977). Klandt menjelaskan bahawa kaedah pengajaran syarahan tidak dapat merangsang ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar. Timmons pula menjelaskan kaedah pengajaran yang ‘konvensional’ seperti membaca buku teks, perkuliahan dan penerangan adalah cara berkesan dalam menambahkan pengetahuan pelajar tentang



keusahawanan, tetapi pengetahuan seperti aspek-aspek kesedaran, motivasi dan pembangunan diri manusia hanya dapat ditanam jika mereka mempunyai pengalaman dan melibatkan diri dalam proses mencipta sesuatu perniagaan yang baru.

Pendekatan pengajaran pendidikan keusahawanan harus berasaskan pengalaman, membenarkan pelajar menyiasat masalah dan menyampaikan penyelesaian dalam satu persekitaran yang meletakkan mereka dalam situasi sebenar Timmons *et al.*, (1977), Brenneke (1990), Tucker (1981), Zakaria (1998). Ulrich dan Cole (1987) berpendapat seseorang usahawan lebih menggemari stil pembelajaran aktif yang melibatkan banyak kegiatan dan hasil dari kegiatan-kegiatan tersebut memberi pengalaman konkret kepadanya. Justeru, kaedah pengajaran simulasi, lakonan, permainan, projek merupakan kaedah yang sesuai digunakan.

Berkait dengan kaedah pengajaran lapangan dan simulasi, didapati kaedah pengajaran lapangan merupakan kaedah pilihan ketiga guru-guru Perdagangan dalam mengajar kebanyakan topik dalam subjek Pengajian Keusahawanan, manakala kaedah simulasi pula merupakan kaedah pengajaran yang paling tidak popular atau merupakan pilihan terakhir di kalangan guru terhadap pengajaran subjek Pengajian Keusahawanan. Ini menggambarkan bahawa guru-guru Perdagangan kurang menguasai pengetahuan pedagogi berkaitan dengan isi kandungan yang hendak diajarkan. Dapatan ini selaras dengan pandangan Lilia dan Norlena (2000), yang mengatakan bahawa seseorang guru yang lemah dari segi pengetahuan pedagogi berkaitan dengan isi kandungan yang hendak diajarkan, akan mengamalkan pengajaran yang lebih bersifat ‘tradisional’, iaitu guru-guru hanya berkuliahan dan pelajar belajar secara hafalan.

Guru-guru Perdagangan memilih kaedah pengajaran kerja individu sebagai kaedah yang mempunyai darjah kesesuaian yang tertinggi dalam mengajar topik Pembangunan Diri. Zakaria (1998) dalam tesisnya pernah menyenaraikan kebaikan-kebaikan pembelajaran keusahawanan pertanian melalui modul. Antara kebaikannya ialah pelajar-pelajar dapat belajar mengikut kadar kendiri dan bebas untuk membuat keputusan sendiri tanpa bergantung kepada kawan. Modul yang dicadangkan oleh Zakaria dirancang dengan baik dan melibatkan aktiviti-aktiviti yang aktif seperti permainan dan aktiviti penilaian diri. Sexton dan Upton (1987) dalam kajian mereka juga menunjukkan bahawa pelajar-pelajar universiti yang mengambil kursus keusahawanan suka kepada kaedah pembelajaran yang bebas, tidak terkongkong dan melibatkan kerja individu. Justeru, kaedah pengajaran kerja individu didapati sesuai digunakan untuk mengajar kemahiran-kemahiran keusahawanan jikalau program ini dirancang dengan teliti dan mengandungi latihan-latihan yang mencabar dan sesuai, seperti adakan kajian kes, latihan atau permainan berpandu.

6.2 Sikap Guru-Guru Perdagangan Terhadap Bidang Keusahawanan

Sikap guru-guru Perdagangan terhadap subjek Pengajian Keusahawanan dalam kajian ini adalah sederhana tinggi. Ini merupakan satu petanda yang baik dan menunjukkan



guru-guru Perdagangan sanggup mengajar subjek Pengajian Keusahawanan apabila ia dilaksanakan di sekolah-sekolah pada tahun 2003 nanti. Merujuk kepada skor min dimensi sikap, guru-guru Perdagangan menunjukkan tingkah laku yang lebih positif dalam dimensi minat dan kepercayaan terhadap bidang keusahawanan. Di samping itu, terdapat guru-guru Perdagangan yang berminat dalam bidang keusahawanan tetapi enggan melibatkan diri atau meluangkan masa dalam membimbang pelajar-pelajar menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan pada waktu-waktu tertentu di sekolah. Situasi ini berlaku mungkin kerana 73.8% daripada guru-guru Perdagangan tidak mendapat latihan secukupnya dalam bidang keusahawanan yang mana ia mempengaruhi kefahaman mereka terhadap kepentingan pelajar-pelajar melalui proses menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan perniagaan.

Sebagai rumusan, walaupun sikap guru-guru Perdagangan sederhana positif terhadap subjek Pengajian Keusahawanan, ianya masih perlu ditingkatkan supaya mereka dapat membentuk tingkah laku yang lebih positif di kalangan pelajar-pelajar sebagai satu cara untuk merangsang minat pelajar terhadap keusahawanan.

6.3 Kesimpulan Perbincangan

Dapatan-dapatan kajian di atas menunjukkan bahawa guru-guru Perdagangan di Wilayah Persekutuan tidak mempunyai kesediaan yang cukup terhadap pengajaran subjek Pengajian Keusahawanan dari aspek penguasaan pedagogi kandungan subjek Pengajaran Keusahawan dan sikap terhadap subjek tersebut. Kesediaan guru-guru Perdagangan yang dilihat daripada aspek pengetahuan pedagogi menunjukkan bahawa guru-guru Perdagangan masih kurang kefahaman mengaitkan topik-topik tertentu dalam subjek Pengajian Keusahawanan yang hendak diajarkan dengan kaedah-kaedah pengajaran yang sesuai. Ini dapat dilihat apabila guru-guru Perdagangan masih memilih kaedah pengajaran kerja kumpulan dan penerangan sebagai kaedah yang mempunyai darjah kesesuaian yang tertinggi dalam mengajar kebanyakan topik dalam subjek ini.

Pada hakikatnya, kaedah simulasi atau lapangan merupakan kaedah yang lebih sesuai untuk diperaktikkan dalam pengajaran subjek Pengajian Keusahawanan kerana kedua-dua kaedah ini bukan sahaja dapat menjanakan pengalaman kepada pelajar, tetapi juga dapat menyediakan satu persekitaran yang menyerupai situasi sebenar untuk merangsangkan pemikiran pelajar-pelajar serta menggalakkan mereka belajar secara aktif dan bebas. Secara perangkaan, guru-guru Perdagangan menunjukkan sikap yang sederhana positif terhadap subjek Pengajian Keusahawanan. Namun dibandingkan dengan tahap keghairahan atau keasyikan yang diperlukan untuk melahirkan seorang usahawan, sikap guru-guru perdagangan masih jauh untuk memenuhi tuntutan sebagai guru keusahawanan yang berkesan kerana mereka merupakan satu sumber penjana motivasi kepada pelajar-pelajar terhadap profesion usahawan. Sebagai rumusan, boleh dikatakan bahawa guru-guru Perdagangan yang



sedia ada belum mempunyai kesediaan yang cukup dari aspek pedagogi kandungan subjek Pengajian Keusahawanan dan sikap terhadap bidang keusahawanan.

7.0 PENUTUP

Guru-guru memainkan peranan yang amat penting dalam merealisasikan matlamat sesuatu subjek. Guru-guru yang bersedia untuk mengajar akan menguasai isi kandungan subjek itu dengan sempurna, memahami pendekatan terbaik untuk menyampaikan isi kandungan kepada pelajar serta bersemangat tinggi terhadap pengajaran. Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa guru-guru Perdagangan yang disarankan untuk mengajar subjek Pengajian Keusahawanan masih tidak mempunyai kesediaan yang cukup terhadap pengajaran subjek tersebut. Mereka tidak menguasai dengan mendalam kandungan subjek Pengajian Keusahawanan, tidak cukup pengetahuan tentang kaedah-kaedah pengajaran yang sesuai untuk dilaksanakan dalam topik-topik tertentu dan hanya mempunyai sikap yang sederhana positif terhadap subjek ini.

Oleh itu, guru-guru Perdagangan perlu dilatih semula sebelum mereka melaksanakan tugas yang baru ini. Usaha ini akan bertambah berkesan sekiranya Kementerian Pendidikan Malaysia bertindak sebagai satu pasukan yang sentiasa menilai dan mengikuti perkembangan pelaksanaan subjek ini serta sentiasa memberi panduan yagn secukupnya kepada guru-guru.

RUJUKAN

- Ashmore, C. M. 1990. Entrepreneurship in Vocational Education. Dlm. Kent, C.A. *Entrepreneurship education: current development, future directions*. New York: Quorum Books.
- Azizi Yahya. 1998. *Keberkesanan pelaksanaan program Kemahiran Hidup di sekolah-sekolah menengah di Malaysia*. Prosiding Seminar Isu-Isu pendidikan Negara, hlm 70-89.
- Blawatt, K. R. 1998. *Entrepreneurial behavior*. London: Scott, Foresman and company.
- _____. *Entrepreneurship: process and management*. Canada: Prentice Hall Cadana Inc.
- Brenneke, J. S. 1990. *Case studies and other student based programs in entrepreneurship programs*. Dlm. Kent, C.A. *Entrepreneurship education: intergrating entrepreneurship in Secondary Curriculum*, hlm. 231-242. New York: Quorum Books.
- Chamhuri Siwar, Mohd Yusof Kassim & Abdul Malik. 1992. Ekonomi Bumi putera Selepas 1990. *Dasar Ekonomi Negara Selepas 1990: Implikasi dan Cabaran Terhadap Ekonomi Bumi putera*. Penerbit UKM, Bangi.
- Economic Planning Unit, Prime Minister's Department. 1996. *Seventh Malaysia Plan: 1996-2000*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad. Kuala Lumpur.
- Francois, M. D. 1998. *Education directed to entrepreneurship*: a guidance concern. Dissertation Abstracts.
- Gibb, A. A. 1993. *Do we really teach (approach) small business in the way we should? Internationalizing Entrepreneurship Education and Training*. Proceeding of the IntEnt 93 conference, hlm 3-17.
- Good, T. 1993. *Do we really teach (approach) small business in the way we should? Internationalizing entrepreneurship education and Training*. Proceeding of the Intent 93 conference, hlm 3-17.
- Good, T. 1983. *Research on classroom teaching*. Dlm Shulman, L.S. & Sykes, G. (pnyt.) handbook of teaching and policy. New York: Logman.
- Hashweh, M. Z. 1985. *An exploratory study of teacher knowledge and teaching: the effects of Science Teacher's knowledge of subject-matter and their conceptions of learning on their teaching*. Unpublished doctoral dissertation. Stanford University. Stanford. CA.



- Hatten, T. S. & S. K. Ruhland. 1995. *Student attitude toward entrepreneurship as affected by participation in an SBI Program*. Journal of Education For Business 70(4): 224-227.
- Hisrich, R. D. & M. P. Peter. 1989. *Entrepreneurship: starting, developing and managing a new enterprise*. Amerika: McGraw Hill.
- Hisrich, R. D. & M. P. Peter. 1998. *Entrepreneurship*. Amerika: McGraw Hill.
- Humam bin Haji Mohamed. 1988. *Entrepreneurial development in Malaysia with specific reference to training and development initiatives*. Doctor of Philosophy. University of Stirling, London.
- Humam bin Haji Mohamed. 1992. *Keusahawanan di Malaysia*. Dlm. MEDEC. Asas keusahawanan. Shah Alam: Unit Percetakan ITM.
- Janom bin Saadun. 1997. *Sikap dan minat pelajar terhadap komponen perdagangan dan keusahawanan Kemahiran Hidup – satu tinjauan di tujuh buah sekolah menengah Daerah Pekan, Pahang*. Kertas Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pembangunan Malaysia. 1999. *Sukatan Pelajaran dan Huraian Mata Pelajaran Pengajian Keusahawanan*. Jabatan Pendidikan Teknikal, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia 1995. *Program pembudayaan keusahawanan Kementerian Pendidikan Malaysia ke arah perwujudan MPPB*. Bahagian Perancangan dan penyelidikan Malaysia.
- Kent, C. A. 1990. *Entrepreneurship education: intergrating entrepreneurship in secondary curriculum*. Quorum Books. New York: Quorum Books.
- Klandt, H. 1993. *Methods of teaching: what is useful for entrepreneurship education? Internationalizing Entrepreneurship Education and training*. Proceedings of the Int Ent 93 conference Vienna, hlm 31-41.
- Krejcie, R.V. & D. W. Morgan. 1970. *Educational and psychological measurement*. New York: Sage Publications.
- Lilia halim. 1997. *A ciritical appraisal of Secondary Science Teacher Training Programmers in Malaysia with an emphasis on Pedagogical Content Knowledge*. Doctor of Philosophy. Universiti of London.
- Lilia Halim & Norlenia Salamuddin. 2000. *Orientasi akademik: Pendekatan alternatif dalam program pendidikan guru siswazah di Malaysia*. Akademika 56: 47-64.
- Maranville, S. 1992. *Entrepreneurship in the Business Curiculum*. Journal of Education for Business 68(1): 27-31.
- Mc Clelland, D. C. 1961. *The achieving society*. New Jersey: Van Nostrand Reinhord. Co.
- Meyer, E. C. 1992. *A Philosophy of entrepreneurship education*. Business Education Forum 47(3): 3-5.
- Noll, C. L. 1993. *Planning curriculum for Entrepreneurship Education*. Business Educaton Forum.
- Nor Aishah Buang. 1998. *Tujuhan pendidikan teknik dan vokasional keusahawanan*. Bengkel Tujuan Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 26-31.
- Nor Aishah Buang. 200. *Tahap kewujudan elemen-elemen keusahawanan dalam kurikulum pendidikan teknik, vokasional dan keusahawanan Tingkatan 5 di sekolah-sekolah menengah*. Laluhan pantas Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Aishah Buang & Siti Rahaya Ariffin. 1995. *Hubungkait antara pendidikan teknologi dengan keusahawanan: peranannya dalam menentukan daya saing masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera Abad 21*. Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Abad ke-21, hlm 282-289.
- Peters, H. J., C. W. Burnett & G. F. Farwell. 1963. *Introduction to teaching*. New York: The Macmillan Company.
- Pitman, R.T. 1988. *Teaching entrepreneurship: removing the myths*. Dlm. Claudia Jensen (pnyt.). Business Education Forum 42(7): 32-32.
- Rabbior, G. 1990. *Elements of a successful Entrepreneurship/Economics/Education Program*. Dlm. Kent, C.A. *Entrepreneurship education: current development*. Future directions, hlm 53-66. New York: Quorum Books.
- Ronstadt, R. C. 1984. *Entrepreneurship text, cases and notes*. Massachusetts: Lord Publishing.
- Ryan, K. & J. M. Cooper. 1998. *Those who can, teach*. Ed. Ke-8. New Jersey: Houghton Mifflin Company.
- Salina bt Mohd. Salleh. 1995. *Sikap pelajar terhadap pendidikan perdagangan dan keusahawanan di dalam Kemahiran Hidup Bersepadu*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Putra Malaysia.
- Sexton, D. L. & N. B. Upton. 1987. *Evaluation of an innovation approach to teaching entrepreneurship*. Journal of Small Business Management (25)4: 35-43.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. 1983. *Ilmu Pendidikan*. Kuala Lumpur: Heinmann Asia.
- Sharifah Kamariah bt Syer Sofian. 1996. *The identification entrepreneurship characteristic among secondary school students in the district of Hulu Langat, Selangor*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Sharifah bt Md. Nor & Zaidatol Akmaliah lope Pihie. 1994. *Guru-guru Perdagangan dan Keusahawanan: Satu tinjauan profil dan pandangan terhadap kerja*. Jurnal Pendidikan Jil. 16: 37-44.



- Shulman, L. S. 1987. *Knowledge and teaching: foundations of the new reform*. Harvard Educational Review 57(1): 1-22.
- Sri Hayati Musa Kamal. 1996. *Persepsi guru terhadap keperluan pelajar dan keupayaan mengajar kemahiran keusahawanan dalam Mata pelajaran elektif Vokasional dan Teknologi*. Tesis Sarjana Sains. Universiti Putra Malaysia.
- Sukumaran, S. 1992. *Kaedah-kaedah mengajar Perdagangan KBM*. Masalah Pendidikan 16, hlm 121-136.
- Sulaiman Ngah Razali. 1997. *Pedagogi: teori dan praktik*. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Timmons, J. A. 1997. *The entrepreneurship mind*. Dlm. Lambing, P.A & Kuehl, C.R. Entrepreneurship. United States of America: Prentice-Hall, Inc.
- Tonne, H. A & L. C. Nanassy. 1970. *Principles of business education*. Ed. Ke-4 Amerika: Mc graw Hill, Inc.
- Tucker, L. R. 1981. *Entrepreneurial Learning experience: The academic responsibility*. Journal of Business Education 56(4): 132-135.
- Ulrich, T. A. & G. S. Cole. 1987. *Toward more effective training of future entrepreneurship*. Journal of Small Business Management 25(4): 32-39.
- Wiseman, D. L., Cooner, D. D. & Knight, S. L. 1999. *Becoming a teacher in a field based setting an introduction to education and classroom*. Amerika: Wadsworth Publishing Company.
- Yep Chye Hock. 1998. *Pengalaman bidang perdagangan dan keusahawanan oleh pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Bunut Susu, Pasir Mas, Kelantan dalam kehidupan harian. Satu tinjauan*. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Zahari Omar. 1998. *Mata pelajaran Keusahawanan di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS): Satu tinjauan kurikulum ke arah pencapaian matlamat*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie. 1993. *Kelayakan dan pengalaman guru dalam bidang perniagaan dan kaitannya dengan amalan pengajaran mata pelajaran Keusahawanan*. Jurnal Pendidikan Guru 9, hlm 31-49.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Habibah Elias. 1987. *Pengajaran Perdagangan dan Keusahawanan*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Zakaria bin Abd. Rahman. 1998. *Pembinaan dan pengujian modul latihan keusahawanan pertanian di kalangan pelajar sekolah menengah*. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.

